

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

NOTICE TO CUSTOMERS OF ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD ON THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 / NOTIS KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD BERKENAAN DENGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

1. Data Privacy / Data Privasi

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Company") will process your personal information strictly in accordance with the Personal Data Protection Act 2010, other related legislation, the Company's and/or its Group's own strict internal policy. / *Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Syarikat") akan memproses maklumat peribadi anda secara tegasnya mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, undang-undang lain yang berkaitan dan polisi dalaman Syarikat dan/atau Kumpulannya sendiri yang ketat.*

2. Processing of Personal Data / Pemrosesan Data Peribadi

When you apply for, update, modify or renew an insurance policy, the personal information including policy information, financial information and Sensitive Personal Data pertaining to you ("Personal Data") will be collected, held on computer and/or in documents, used, disclosed and otherwise processed by the Company and its employees, representatives, reinsurers, agents and affiliates to facilitate the performance and administration of the Company's functions as an insurance company. / *Apabila anda memohon, mengemaskini, mengubah atau memperbaharui suatu polisi insurans, maklumat peribadi termasuk maklumat polisi, maklumat kewangan dan Data Peribadi Sensitif yang berkaitan dengan anda ("Data Peribadi") akan dikutip, disimpan dalam komputer dan/atau dalam dokumen, digunakan, didedahkan atau sebaliknya diproses oleh Syarikat dan pekerja-pekerjanya, wakil-wakil, penanggung-penanggung insurans semula, agen-agen dan sekutu-sekutu Syarikat untuk memudahkan pelaksanaan dan pentadbiran fungsi Syarikat sebagai sebuah syarikat insurans.*

The Personal Data in relation to you may include copies and other details of identity documents, proof of address and other contact details, information concerning age, marital status, creditworthiness, physical or mental health or medical condition ("Sensitive Personal Data"). / *Data Peribadi berkenaan anda mungkin termasuk salinan dan butir-butir dokumen identiti lain, bukti alamat dan maklumat berhubung lain, maklumat berkenaan umur, taraf perkahwinan, kelayakan kredit, kesihatan fizikal atau mental atau keadaan kesihatan ("Data Peribadi Sensitif").*

The Company may obtain your Personal Data from other sources, such as bureaus or agencies established or to be established by regulatory authorities, operators of registers or databases available to the insurance industry, government departments, agencies or authorities, any party who has, does or will provide products or services to you and to whom you have granted consent, our commercial partners, insurance intermediaries, reinsurers, third party administrators and/or service providers, other insurance companies, your attending doctors, hospitals, clinics, other medical professionals, facilities or pharmacies, laboratories, your lawyers, agents, proposed assignees, group policyholders, benefit plan administrators and employer, or related persons or organizations where such information would be essential for the purposes stated herein. / *Syarikat mungkin memperoleh Data Peribadi anda daripada sumber lain, seperti biro atau agensi-agensi yang ditubuhkan atau akan ditubuhkan oleh pihak berkuasa kawal selia, operator rekod atau pangkalan data yang tersedia kepada industri insurans, jabatan kerajaan, agensi atau pihak berkuasa, mana-mana pihak yang telah, sedang atau akan membekalkan produk atau khidmat kepada anda dan kepada siapa yang anda telah memberikan persetujuan, rakan-rakan komersil kami, pihak perantara insurans, pihak penanggung insurans semula, pengurus dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga, syarikat insurans yang lain, doktor perawat anda, hospital, klinik, ahli profesional perubatan yang lain, kemudahan atau farmasi perubatan yang lain, makmal, peguam anda, agen, pemegang serah hak yang dicadangkan, pemunya polisi berkumpulan, pihak pengurusan pelan manfaat dan majikan anda, atau orang-orang atau organisasi yang berkaitan di mana maklumat sebegini adalah penting untuk tujuan yang dinyatakan di sini.*


3. Impact resulting from failure to supply information / Akibat daripada kegagalan untuk memberikan maklumat

You may choose whether or not to provide your Personal Data to the Company. If you choose not to do so, the Company may be unable to provide you with the services and/or products requested. Hence, it is obligatory for you to provide the Company with your Personal Data when you choose to apply for insurance cover with the Company. / *Anda boleh memilih sama ada hendak memberikan Data Peribadi anda kepada Syarikat. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi anda, Syarikat mungkin tidak dapat menyediakan kepada anda khidmat dan/atau produk yang diminta. Dengan itu, adalah menjadi obligasi anda untuk membekalkan kepada Syarikat Data Peribadi anda apabila anda memilih untuk membuat permohonan untuk perlindungan insurans dengan Syarikat.*

4. Purposes of Collecting and Using Your Personal Data / Tujuan Mengumpul dan Menggunakan Data Peribadi Anda

Your Personal Data will be collected, used and otherwise processed by the Company for the following purposes: / *Data Peribadi anda akan dikutip, digunakan dan sebaliknya diproses oleh Syarikat untuk tujuan-tujuan berikut:*

- to better understand your insurance situation, provide quotes, enter into and execute your insurance contract, and to set up and administer your policy; / untuk lebih memahami keadaan insurans anda, memberi sebut harga, memasuki dan melaksanakan kontrak insurans anda, dan untuk menyediakan dan menguruskan polisi anda;*
- for underwriting, risk assessment, handling and settling of claims and audit purposes; / untuk pengunderaitan, penilaian risiko, pengurusan dan penyelesaian tuntutan dan tujuan audit;*
- for detection and prevention of criminal activity or fraud in connection with an insurance transaction; / untuk mengesan dan mengelakkan aktiviti jenayah atau penipuan berkaitan dengan suatu transaksi insurans;*
- to manage and service the Company's relationship with you and provide you with better customer service including marketing and promoting of other products and services by the Company and/or its Group; / untuk menguruskan dan menyelenggarakan hubungan Syarikat dengan anda dan menyediakan khidmat pelanggan yang lebih baik kepada anda termasuk pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan lain Syarikat dan/atau Kumpulannya;*

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-2264 1188
603-2264 0688
Fax : 603-2264 1199
 allianz.com.my

ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTER
ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Allianz Contact Center : 1 300 22 5542
Email : customer.service@allianz.com.my

- (e) to maintain and develop our business systems and infrastructure; / *untuk mengekalkan dan membangunkan sistem dan infrastruktur bisnes kami;*
- (f) for data transfer, and sharing with, the Company and its Group and/or third parties acting on our behalf, including those located outside Malaysia. / *untuk pemindahan data, dan berkongsi dengan, Syarikat dan Kumpulannya dan/atau pihak ketiga bertindak bagi pihak kami, termasuk yang lokasinya berada di luar Malaysia.*

5. Disclosure of Your Personal Data / *Pendedahan Data Peribadi Anda*

The Company may share your Personal Data with your employer and its representatives, agents and affiliates (where, for example, you are insured under a group insurance policy obtained through your employer), other insurers, brokers, credit organizations, underwriters, reinsurers, group policyholders, benefit plan administrators, those to whom the Company outsource certain business operations, commercial partners of the Company, regulatory authorities, bureaus or agencies established or to be established by regulatory authorities, operators of registers or databases available to the insurance industry, professionals working on behalf of the Company and/or its Group such as loss adjusters, lawyers, auditors, persons conducting actuarial or research studies, accountants, consultants, surveyors, external claims data collectors, investigators and medical professionals, and any other contractors or sub-contractors as required or permitted by law or as we may determine to be necessary or appropriate. / *Syarikat mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan majikan anda dan wakil, agen dan sekutunya (di mana, contohnya, anda diinsuranskan di bawah polisi insurans berkumpulan yang diperolehi melalui majikan anda), syarikat insurans yang lain, broker, organisasi kredit, pihak pengunderait, pihak penanggung insurans semula, pemunya polisi berkumpulan, pihak pengurusan pelan manfaat, mereka kepada mana Syarikat telah menyumber luar operasi bisnes kami yang tertentu, rakan-rakan komersil Syarikat, pihak berkuasa kawal selia, biro atau agensi yang telah atau akan ditubuhkan oleh pihak berkuasa kawal selia, operator rekod atau pangkalan data yang tersedia kepada industri insurans pihak profesional yang bertugas bagi pihak Syarikat dan/atau Kumpulannya seperti penyelaras kerugian, peguam, juruaudit, mereka yang melaksanakan penyelidikan aktuari atau kaji selidik, akauntan, pakar runding, peninjau, pemungut data tuntutan luar, penyiasat dan profesional perubatan dan mana-mana kontraktor atau sub-kontraktor lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau yang diputuskan oleh kami sebagai perlu atau bersesuaian.*

6. Data Transfer and Sharing / *Pemindahan dan Perkongsian Data*

Where the Company considers it necessary or appropriate for the purposes of data storage or processing or human resource management, the Company may transfer your Personal Data to another member of the Group or third party service or product providers within or outside Malaysia, under conditions of confidentiality and similar levels of security safeguards. / *Di mana Syarikat fikir adalah perlu atau sesuai untuk tujuan penyimpanan data atau pemprosesan atau pengurusan sumber manusia, Syarikat mungkin memindahkan Data Peribadi anda kepada ahli Kumpulan yang lain atau pemberi khidmat atau produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara Malaysia, di bawah syarat-syarat kesulitan dan tahap usaha penjagaan yang serupa.*

7. Your Rights of Access to Your Personal Data / *Hak Anda Untuk Akses Kepada Data Peribadi Anda*

You have the right to request in writing, access to and correction of your Personal Data held by the Company and you may make any enquiries or complaints in respect of your Personal Data by contacting the Company's Customer Service Officer at **1300-22-5542**, from 8.00 a.m. to 8.00 p.m., Monday to Friday or email at customer.service@allianz.com.my or via our Fax No. 03-2264 8499. You also have the right to request in writing for the Company to cease processing your Personal Data including for marketing purposes. / *Anda berhak untuk meminta secara bertulis akses kepada dan membetulkan Data Peribadi anda yang disimpan oleh Syarikat dan anda boleh membuat pertanyaan atau aduan berkaitan Data Peribadi anda dengan menghubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan Syarikat di **1300-22-5542**, daripada 8.00 pagi hingga 8.00 malam, Isnin hingga Jumaat atau emel kepada customer.service@allianz.com.my atau melalui No. Faks 03-22648499. Anda juga berhak untuk membuat permintaan secara bertulis kepada Syarikat untuk berhenti memproses Data Peribadi anda termasuk untuk tujuan pemasaran.*

8. Information About Another Person / *Maklumat Berkaitan Orang Lain*


When you give the Company, information about another person, you confirm that they have appointed you to act for them, to consent to the processing of their personal data and to receive on their behalf, any data privacy notices. / *Apabila anda memberi Syarikat maklumat berkaitan orang lain, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka untuk bersetuju dengan pemprosesan data peribadi mereka dan untuk menerima bagi pihak mereka apa-apa notis data privasi.*

The Company reserves the right to update and amend this Privacy Notice or its Privacy Policy from time to time. The Company will notify you of any amendments to this Privacy Notice or its Privacy Policy via announcements on the Company's website (www.allianz.com.my) or other appropriate means. If the Company amends this Privacy Notice or its Privacy Policy, the amendment will only apply to Personal Data collected after the Company has posted the revised Privacy Notice or Privacy Policy. / *Syarikat berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi Syarikat dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan atau pemindahan kepada Notis Privasi ini atau Polisi Privasi Syarikat akan dimaklumkan melalui pengumuman di laman web Syarikat (www.allianz.com.my) atau melalui cara yang bersesuaian. Jika Syarikat meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi Syarikat, pindaan itu hanya akan berkuat-kuasa untuk Data Peribadi yang dikumpul selepas Syarikat memaparkan Notis Privasi atau Polisi Privasi yang terpinda.*

In the event of any inconsistencies or discrepancies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail. / *Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.*

If you have a residential address in any of the European Union (EU) member states, please reach out to us at: privacy@allianz.com.my in order for us to assess and comply with the EU Privacy Law - General Data Protection Regulation (GDPR)

Last updated on 3 March 2020

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-2264 1188
603-2264 0688
Fax : 603-2264 1199
 allianz.com.my

ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTER
ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Allianz Contact Center : 1 300 22 5542
Email : customer.service@allianz.com.my